

9

NAMA BARU PPQ

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 04 Januari 2011 14:43

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

4 JANUARI 2011/29 MUHARAM 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Nama Baru PPQ

UUM ONLINE: Pusat Pengurusan Kualiti (PPQ) Universiti Utara Malaysia yang diterajui oleh Prof Dr Nur Adiana Hiau Abdullah telah ditukar nama kepada Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) berkuat kuasa 1 Januari 2011.

Penukaran nama itu diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Ke-166, Bil. 11/2010 pada 13 Disember 2010 bagi memantapkan institut berkenaan.

Dr. Nur Adiana berkata, memandangkan bidang tugas PPQ telah berkembang adalah perlu bagi PPQ untuk distrukturkan semula supaya aktivitiya tidak bersifat *ad-hoc* dan lebih teratur serta mempunyai objektif yang selari dengan keperluan dan kehendak universiti serta *stakeholders* berkaitan.

Katanya, selaras dengan penukaran nama baru itu, dua bahagian sedia ada dijenamakan semula dan diperluaskan fungsinya.

"Bahagian tersebut adalah Bahagian Pengurusan Kualiti akan mempunyai dua unit iaitu Unit Pengurusan Kualiti dan Unit Latihan dan Perundingan dan Pemasaran, manakala unit di bawah Bahagian Perancangan Strategik pula ialah Unit Perancangan Strategik, Unit Pengurusan Projek dan Penarafan (iPMO/SETARA) serta Unit Jaminan Kualiti (COPPA/COPIA)," katanya.

Dr Nur Adiana berkata, struktur organisasi baru dan lebih dinamik ini dijangka akan dapat memenuhi keperluan pengembangan IPQ selari dengan hasrat Universiti untuk menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka dan seterusnya menyokong usaha Universiti untuk menjadi Universiti Penyelidikan pertama dalam bidang Pengurusan dan Sains Sosial.

Katanya, IPQ juga akan mula memfokuskan ke arah menjadikan ianya sebagai pusat rujukan yang unggul serta menggiatkan aktiviti pemasaran bagi program latihan dan perundingan dalam aspek pengurusan kualiti yang mengambil kira keperluan semasa dan perubahan terkini, bagi pelanggan dalam dan luar universiti.

Habis

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my